

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
(BAHAGIAN KUASA-KUASA KHAS)
PERMOHONAN UNTUK SEMAKAN KEHAKIMAN NO: WA-25-296-10/2020**

Dalam perkara permohonan oleh Pemohon untuk kebenaran bagi memohon satu Perintah Certiorari dan Mandamus;

Dan

Dalam perkara Akta Perhubungan Perusahaan 1967;

Dan

Dalam perkara Seksyen 25(2) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan perenggan 1 Jadual di situ dan Seksyen 41 & 44 Akta Spesifik Relif 1950;

Dan

Dalam perkara Aturan 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012;

Dan

Dalam perkara keputusan yang dibuat oleh Menteri Sumber Manusia melalui satu surat bertarikh 10.07.2020 untuk tidak merujuk representasi pembuangan kerja yang difailkan oleh Pemohon terhadap Grab ke Mahkamah Perusahaan.

ANTARA

**LOH GUET CHING
(No. K/P: 790811-01-6436)**

... PEMOHON



S/N 4gXQE3D8q0WIS1VspkgveA

DAN

1. MENTERI SUMBER MANUSIA
2. KETUA PENGARAH JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN
3. MYTEKSI SDN BHD
(NO. SYARIKAT: 953755-D)
(BERNIAGA ATAS NAMA "GRAB") ... RESPONDEN-RESPONDEN

Penghakiman

Pengenalan

1. Ini adalah permohonan Pemohon untuk suatu Semakan Kehakiman (**Lampiran 13**) terhadap keputusan Y.B Menteri Sumber Manusia (**Responden Pertama**) bertarikh 10.7.2020 yang telah memutuskan di bawah seksyen 20(3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (**Akta 177**) bahawa representasi mengenai pembuangan kerja Pemohon tidak wajar dirujuk ke Mahkamah Perusahaan.
2. Relf-relif yang dipohon oleh Pemohon secara terperinci adalah seperti yang berikut:-
 - 2.1 Kebenaran diberikan kepada Pemohon untuk memohon suatu perintah Certiorari terhadap keputusan Responden Pertama bertarikh 10.7.2020 disampaikan melalui Responden Kedua di bawah seksyen 20 (3) Akta 177, yang enggan merujuk representasi yang dibawa oleh Pemohon kepada Mahkamah Perusahaan bagi permohonan pemulihan kerja sebagai pemandu e-hailing bagi Responden Ketiga (**Keputusan tersebut**), dengan tujuan ianya secara keseluruhan dibatalkan;
 - 2.2 Kebenaran diberikan kepada Pemohon untuk memohon suatu perintah mandamus mengarahkan Responden Pertama untuk merujuk representasi Pemohon tersebut kepada Mahkamah Perusahaan untuk mendapatkan awad/keadilan;



- 2.3 Kos permohonan ini adalah kos dalam kausa; dan
 - 2.4 Lain-lain relief yang Mahkamah Yang Mulia ini anggap sesuai dan manfaat.
3. Setelah meneliti dan menimbangkan segala kertas kausa, Hujahan Lisan dan Hujahan Bertulis kesemua pihak, Mahkamah ini telah menolak permohonan Pemohon di Lampiran 13.

Latar Belakang Kes

4. Fakta kes yang relevan berhubung dengan permohonan ini adalah seperti yang berikut:-
- (a) Pemohon, Loh Guet Ching mula melanggan akaun Grab Responden Ketiga dengan Grab-Driver Partner pada 12.4.2016 sehingga akaunnya dibatalkan pada 5.11.2019 atas alasan melanggar perjanjian dengan membocorkan maklumat pelanggan di media social;
 - (b) Menurut Pemohon, dia telah dibuang kerja oleh Responden Ketiga secara tidak adil tanpa sebarang notis awal dengan pelbagai tuduhan dan/atau alasan yang tidak berasas dan tidak munasabah serta dinafikan sebarang hak untuk didengar;
 - (c) Pemohon selanjutnya telah memfailkan representasi pembuangan kerja di bawah seksyen 20(1) Akta 177 untuk dipulihkan pekerjaan melalui Borang Representasi Pemulihan Kerja dialamatkan kepada Pengarah Jabatan Perhubungan Perusahaan Kuala Lumpur dan diterima pada 3.1.2020. **[Rujuk Ekshibit "MK-1" di Afidavit Jawapan Responden Pertama]**
 - (d) Di bawah peruntukan seksyen 20(2) Akta 177, satu mesyuarat rundingan damai secara bersama antara Pemohon dan Responden Ketiga telah diadakan di Jabatan Perhubungan Perusahaan Kuala Lumpur pada 21.1.2020. Walau bagaimanapun, setelah perbincangan tersebut dijalankan,



tiada penyelesaian dapat dicapai antara kedua-dua belah pihak.

- (e) Melalui surat bertarikh 6.2.2020, Pengarah Perhubungan Perusahaan Kuala Lumpur telah memaklumkan kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan Malaysia **(Responden Kedua)** bahawa mesyuarat rundingan damai yang telah dijalankan gagal menghasilkan penyelesaian.
- (f) Responden Kedua kemudiannya telah memaklumkan kepada Responden Pertama bahawa langkah-langkah yang diambil di bawah seksyen 20(2) Akta 177 gagal menghasilkan sebarang penyelesaian.
- (g) Oleh itu, setelah menjalankan kuasa mengikut budi bicara yang diberikan di bawah seksyen 20(3) Akta 177, Responden Pertama telah memutuskan pada 5.7.2020 bahawa representasi pembuangan kerja Pemohon tidak wajar dirujuk ke Mahkamah Perusahaan.

Alasan-alasan untuk Semakan Kehakiman

- 5. Pemohon telah menghujah bahawa keputusan Responden Pertama untuk tidak merujuk representasi mengenai pembuangan kerja Pemohon ke Mahkamah Perusahaan adalah salah kerana:-
 - 5.1 Responden-Responden telah bertindak secara ultra vires, salah, tidak rasional, tidak munasabah, melanggar keadilan hak asasi dan melakukan kesalahan prosedur dalam pengeluaran keputusan tersebut kerana:-
 - (a) enggan memberikan sebarang alasan untuk menyokong keputusan tersebut;
 - (b) gagal mempertahankan hak sama rata Pemohon dan para pemandu e-hailing di Malaysia di sisi undang-undang untuk menuntut keadilan dan perlindungan undang-undang di Mahkamah Perusahaan selaras dengan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan;



- (c) telah menggagalkan niat asal Akta 177 termasuk penubuhan Mahkamah Perusahaan demi menawarkan perlindungan undang-undang kepada kumpulan pekerja daripada ditindas dan dibuang kerja secara tidak adil oleh pihak majikan; dan
 - (d) membiarkan Pemohon dan para pemandu e-hailing di Malaysia terus ditindas dan dibuang kerja secara tidak adil.
- 5.2 Pihak Responden-Responden sememangnya tanpa dan/atau gagal mengambil kira dan/atau mempertimbangkan bahawa trend baru di Mahkamah negara-negara lain termasuk United Kingdom dan Eropah yang telah mengiktiraf dan mempertahankan status pemandu e-hailing sebagai pekerja bagi syarikat e-hailing; dan
- 5.3 Pihak Responden-Responden sememangnya tanpa dan/atau gagal mengambil kira dan/atau mempertimbangkan bahawa seksyen 20(3) Akta 177 yang digunakan oleh Responden Pertama untuk membuat Keputusan tersebut, telah menimbulkan berbagai pertikaian sehingga bakal dipinda oleh Parlimen. Maka ia seharusnya digunakan oleh Responden Pertama secara berhati-hati dan bertanggungjawab serta tidak disalahgunakan.

Dapatan Mahkamah

Sama ada Responden Pertama perlu untuk memberi alasan terhadap keputusan tersebut

- 6. Saya berpandangan tiada sebarang peruntukan undang-undang yang menghendaki Responden Pertama untuk memberi alasan bagi keputusan yang dibuatnya di bawah Seksyen 20(3) Akta 177 ini.
- 7. Mahkamah Rayuan dalam kes **Joseph Puspam v. Menteri Sumber Manusia, Malaysia & Anor [2001] 1 MLRA 534; [2001] 4 CLJ 252; [2001] 4 AMR 4181; [2001] 4 CLJ 252** telah menyatakan seperti berikut: -



... I am bound by the decision of the Superior Court where it has been established that the Minister is not required to give any reasons when he exercises his discretion under s.20(3) of the Industrial Relations Act 1967.

8. Seterusnya, Mahkamah Agong (pada ketika itu) dalam kes **Minister of Labour Malaysia v. Sanjiv Oberoi & Anor [1990] 1 MLJ 112; [1989] 1 MLRA 278; [1990] 1 CLJ (Rep) 200** telah memutuskan: -

“The Minister of Labour is not required to give any reasons when he exercises his discretion under s.20(3) of the Industrial Relations Act 1967...”

9. Mahkamah Agong (pada ketika itu) di dalam kes **Minister of Labour, Malaysia v. Chan Meng Yuen Another Appeal [1992] 1 CLJ (Rep) 216; [1992] 2 MLJ 337; [1992] 1 MLRA 250**; turut menggunapakai prinsip di dalam kes **Minister of Labour, Malaysia v. Sanjiv Oberoi & Anor (supra)**. Harun Hashim SCJ menyatakan bahawa: -

“From this affidavit it is clear that the various steps have been complied with up to the stage when the Minister decided not to refer the representations to the Industrial Court. It is equally clear he has not stated his reasons in arriving at that decision. The question is whether he is required by law to do so. This Court, in *Minister of Labour, Malaysia v. Sanjiv Oberoi & Anor [1990] 1 MLJ 113* held:-

The Minister of Labour is not required to give any reasons when he exercises his discretion under s.20(3) of the Industrial Relations Act 1967.

The next question is whether the Minister is required to give his reasons when challenged in certiorari proceedings. During the course of argument, several cases were cited to us but they were all cases where the Minister had given his reasons: see e.g. *Minister of Labour, Malaysia v. National Union of Journalists, Malaysia and another appeal [1991] 1 MLJ 24, SC*. **What is clear from the decided cases, however, is that the courts cannot compel the Minister to give reasons for his decision where there is no duty to do so”**

(penekanan diberikan)

10. Dalam kes **Alliance Bank Malaysia Bhd v. Menteri Sumber Manusia, Malaysia & Ors [2019] 3 MLRA 41; [2019] 6 MLJ 680; [2019] 9 CLJ 52** Mahkamah Rayuan memutuskan seperti berikut:-

[36] There is a later decision of this court that deals with the same issue. The case is **Bank Muamalat Malaysia Bhd v. Menteri Sumber Manusia, Malaysia & Ors [2019] 6 CLJ 281**. Incidentally, the respondents in that case were the same respondents in the present appeal. It was an appeal against the decision of the High Court dismissing the bank’s application



for judicial review. In the High Court, Bank Muamalat had argued, inter alia, that the Minister had erred:

- (a) In failing to produce the material on which his decision had been based, despite the challenge against that decision-making process; and
- (b) In failing to refer the complaint to the DGTU to determine the competency of NUBE and Kesatuan Pegawai-Pegawai Bank Muamalat Malaysia Berhad (KEPAK) to represent the relevant employees.

[37] On the issue of the Minister's failure to produce the DGIR's report, the learned High Court Judge held that the Minister was under no statutory obligation to provide any reason for his decision, or to produce the result of the investigation carried out by the DGIR. For this proposition, he relied on the decision of this court in **Joseph Puspam v. Menteri Sumber Manusia, Malaysia & Anor [2001] 4 CLJ 252** where Mokhtar Sidin JCA delivering the judgment of the court said at p. 258:

Upon reading **Hong Leong Equipment Sdn Bhd v. Liew Fook Chuan and Others Appeals [1997] 1 CLJ 665**, I am of the view that the decision is not the authority where the Minister is compelled to give reasons for his decision. **When the Minister refuses or did not give any reasons for his decision that by itself would not nullify the decision.**

(penekanan diberikan)

11. Berdasarkan nas undang-undang di atas, jelas menunjukkan Responden Pertama tidak mempunyai sebarang kewajipan untuk memberikan sebarang alasan/sebab terhadap keputusannya untuk merujuk atau tidak merujuk representasi Pemohon ke Mahkamah Perusahaan.

Sama ada Responden Pertama telah bertindak melebihi bidang kuasa dan/atau tanpa bidang kuasa apabila memutuskan representasi Pemohon tidak wajar dirujuk ke Mahkamah Perusahaan

12. Responden Pertama telah diberikan kuasa budi bicara di bawah seksyen 20(3) Akta 177 untuk membuat keputusan sama ada representasi Pemohon wajar dirujuk ke Mahkamah Perusahaan atau sebaliknya.



13. Bagi memudahkan rujukan, seksyen 20(3) Akta 177 menyatakan:

“(3) Upon receiving the notification of the Director General under subsection (2), the Minister may, **if he thinks fit**, refer the representations to the Court for an award.”

(penekanan diberikan)

14. Jelas di sini, Responden Pertama boleh merujuk representasi Pemohon ke Mahkamah Perusahaan jika ianya difikirkan sesuai. Walau bagaimanapun, penggunaan kuasa budi bicara ini, hendaklah berlandaskan kepada prinsip undang-undang.

15. Apabila Responden Pertama membuat keputusan tidak merujuk representasi Pemohon ke Mahkamah Perusahaan, maka keputusan tersebut tidak boleh diganggu melainkan atas faktor-faktor berikut:-

- a. tersalah arah dirinya disisi undang-undang atau
- b. mengambil kira perkara-perkara yang tidak relevan atau/dan gagal mengambil kira perkara-perkara yang relevan;

16. Berhubung isu penggunaan kuasa budi bicara YB Menteri di bawah seksyen 20(3) Akta 177 ini, adalah sesuai diimbaskan kembali kes-kes yang diputuskan di Mahkamah.

17. Dalam kes **Minister of Labour v. Lie Seng Fatt [1990] 2 MLRA 246; [1990] 1 CLJ 195; [1990] 2 MLJ 9** Mahkamah Persekutuan menyatakan :

“There is no question that the power of the minister under s. 20(3) of the Act is wide and the language use by the legislature would seem to confer on the minister a wide discretion whether to refer or not to refer a dispute to the Industrial Court depending on the facts of each case provided of course he has acted bona fide, that is without any improper motive, and he has not taken into account extraneous or irrelevant matters. He has an unfettered discretion but should not be exercised so as to frustrate the object of the statute itself.”



Seterusnya, dinyatakan seperti berikut:

“As stated earlier, so long as he exercise the discretion without improper motive, the exercise of discretion must not be interfered with by the court **unless he had mis-directed himself in law or had taken into account irrelevant matters or that his decision militates against the object of the statute.**”

(penekanan diberikan)

18. Dalam kes **Kathiravelu Ganeson v. Kojasa Holdings Bhd [1997] 3 CLJ 777; [1997] 1 MLRA 372; [1997] 3 AMR 2484; [1997] 2 MLJ 685**, pula Mahkamah Agong (pada ketika itu) ada menjelaskan seperti berikut :

“Third, the referral level. **When the Minister receives notification from the Director-General that the dispute cannot be settled, he must decide whether to refer it to the Industrial Court. He is not to refer all disputes to the Industrial Court, the question he must ask himself is whether, having regard to the facts and circumstances of the given case, the representations made by the workman is frivolous or vexatious.** This is called the ‘Hashim Yeop test’. See, Minister of Labour and Manpower & Anor v Wix CorpSouth East Asia Sdn Bhd [1980] 1 MLRA 515; [1990] 1 MLRA 246; [1996] 1 MLJ 481; [1997] 1 CLJ 665; [1996] 3 AMR 3181; Hong Leong Equipment Sdn Bhd v Liew Fook Chuan [1996] 1 MELR 142; [1996] 1 MLJ 481; [1997] 1 CLJ 665; [1996] 3 AMR 3181, 514. All that is required to call for an exercise of power by the Minister is the existence of a notification that a trade dispute – as defined by the Act, which is the sense in which that expression is employed in this judgment – cannot be settled. There is therefore no question of any wider jurisdiction existing at this stage.”

(penekanan diberikan)

19. Berhubung perkara ini juga, Responden Pertama hendaklah membuat rujukan representasi Pemohon ke Mahkamah Perusahaan jika terdapat persoalan fakta dan undang-undang. Ini telah dijelaskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes **Hong Leong Equipment Sdn Bhd v. Liew Fook Chuan and another appeal [1996] 2 MLRA 212; [1996] 3 AMR 3181; [1997] 1 CLJ 665; [1996] 1 MLJ 481**, seperti berikut :

“It follows from these decision that the Minister must bear in the forefront of his mind that the Act has established a special tribunal to adjudicate upon a dispute arising from representations made under s. 20(1) of the Act, and that it is therefore no part of his function to arrive at a concluded



view upon the merits of the dispute. **His role is limited to ascertaining whether, on the facts and material; placed before him, the representations raise serious questions of fact or of law calling for adjudication.** And, as I have already said, his determination upon the question one way or the other is not conclusive.”

(penekanan diberikan)

20. Untuk menentukan sama ada Responden Pertama telah menjalankan tugasnya dengan betul menurut undang-undang, Mahkamah perlu meneliti fakta yang dibentangkan di hadapan Responden Pertama dan memutuskan sama ada:-

20.1. representasi tersebut adalah remeh atau menyusahkan;

20.2. terdapat persoalan fakta atau undang-undang yang perlu dibicarakan;

20.3. seseorang yang munasabah yang berada di dalam keadaan yang sama akan membuat keputusan yang serupa dengan Responden Pertama; dan

20.4. Responden Pertama telah bertindak menyalahi undang-undang.

21. Proses penilaian ini telah dinyatakan di dalam kes **Exxon Chemical (Malaysia) Sdn Bhd v. Menteri Sumber Manusia Malaysia & Ors [2005] 2 MLRA 771; [2006] 1 MLJ 428; [2004] 2 AMR 8; [2007] 2 CLJ 97** apabila Mahkamah Persekutuan menyatakan:-

“[3] It is the appellant’s counsel’s contention that in judicial review proceedings, a meticulous examination of the facts presented to the Minister must be conducted by the High Court as the reviewing court regardless of whether the Minister’s decision was to refer or not to refer the matter to the Industrial Court under s. 20(3) of the Act. According to counsel, a contrary approach would lead to dual standards being imposed depending on whether the employer or the employee is applying for judicial review. In this regard counsel cites in support the following passage in the judgment of the Court of Appeal in *Hong Leong Equipment Sdn Bhd v Liew Fook Chuan and Another Appeal* [1997] 1 CLJ 665 which states:

Thus, when a question arises as to whether the Minister has correctly exercised his discretion under s. 20(3) of the Act, it is the duty of the court to undertake a meticulous examination of the facts that were made available to the Minister. If the examination



reveals that the representations under s. 20(1) are neither frivolous nor vexatious, a decision not to refer is liable to be quashed by certiorari.

Quite clearly, the Court of Appeal takes the view that the reviewing court is under a duty to conduct a meticulous examination of the facts placed before the Minister at the material time. There was much debate before us about the words 'meticulous examination of the facts'. **In our view, there is no magic in the use of that phrase. It does not set any universal standard. It is not an inflexible term. It merely means that there should be an objective examination of the factual matrix available before the Minister in order to ascertain whether a reasonable person, similarly circumstance, would have arrived at the decision which the Minister had done.** The extent of that duty had been succinctly stated by Abdoocader SCJ in *Malayan Banking Bhd v Association of Bank Officers, Peninsular Malaysia & Anor* [1988] 3 MLJ 204 when he quoted, with approval a statement of Lord Denning HL in the case of *Ashbridge Investments Ltd v Minister of Housing and Local Government* [1965] 1 WLR 1320 at p 1326:

"The court can only interfere on the ground that the Minister has gone outside the powers of the Act or that any requirement of the Act has not been complied with. Under this section, it seems to me that the court can interfere with the Minister's decision if he has acted on no evidence; or if he has come to a conclusion to which on the evidence he could not reasonably come; or if he has given a wrong interpretation to the words of the statute; or if he has taken into consideration matters which he ought not to have taken into account or vice versa; or has otherwise gone wrong in law'."

(penekanan diberikan)

22. Berdasarkan fakta yang dibentangkan di hadapannya, Responden Pertama perlu bertanya dirinya sama ada representasi yang dirujuk kepadanya adalah remeh atau menyusahkan (frivolous or vexatious).

[Sila rujuk kes **Kathiravelu Ganeson** (supra)]

23. Di dalam kes ini, saya mendapati Pemohon telah memfailkan representasi pembuangan kerja di bawah seksyen 20(1) Akta 177 di Jabatan Perhubungan Perusahaan Kuala Lumpur (**JPPWPKL**) dan selanjutnya mesyuarat rundingan damai di adakan di JPPWPKL dengan kehadiran Pemohon dan Responden ketiga pada 21.01.2020.



24. Walau bagaimanapun, tiada penyelesaian dicapai dan JPPWPKL telah memaklumkan hasil rundingan itu kepada Responden Kedua yang seterusnya dimaklumkan kepada Responden Pertama.
25. Pada 05.07.2020, Responden Pertama telah menggunakan kuasa budi bicaranya dengan memutuskan bahawa representasi Pemohon tidak wajar dirujuk ke Mahkamah Perusahaan.
26. Saya dapati Responden Pertama telah mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan kuasa budi bicara di bawah seksyen 20 Akta 177 dan selanjutnya mendapati bahawa tidak terdapat sebarang fakta serius untuk dirujuk ke Mahkamah Perusahaan.
27. Sayugia diingatkan bahawa Responden Pertama bukan hanya menjadi 'postman' di antara Mahkamah Perusahaan dan juga Pejabat Perhubungan Perusahaan di mana Responden Pertama perlu merujuk semua representasi yang dirujuk kepadanya ke Mahkamah Perusahaan. Sebaliknya Parlimen telah memberikan kuasa budi bicara kepada Responden Pertama untuk membuat keputusan sama ada merujuk atau sebaliknya representasi Pemohon ke Mahkamah Perusahaan.
28. Saya berpandangan sebagai 'filtering mechanism', adalah menjadi tanggungjawab yang penting kepada Responden Pertama untuk melihat dan meneliti kepada fakta kes di hadapannya sebelum membuat keputusan.
29. Ini jelas telah dinyatakan dalam kes **Micheal Lee Fook Wah v. Menteri Sumber Tenaga Manusia, Malaysia & Anor [1998] 1 CLJ 227; [1997] 4 AMR 4258; [1997] 2 MLRA 91; [1998] 1 MLJ 305** apabila Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa:

[11] "It was also argued before us that when all the materials are before the 1st Respondent it was his duty to refer the complaint to the Industrial Court and not usurp the function of that court by making his own decision thereon.

[12] With respect, this line of argument seems to suggest that the 1st Respondent is required to refer every complaint referred to him, to the Industrial Court, irrespective of whether it is a fit and proper case to do so. **The law does not require the 1st Respondent to do this, otherwise the position of the 1st Respondent vis-a-vis the Act, would be that an intermediary or a mere postman.** It is not a mechanical exercise for the 1st Respondent in every case to refer to the



Industrial Court. Section 20 (3) provides that "... The Minister may, if he thinks fit, refer the representation to the court for an award.

- [13] From this it can be seen that **S.20(3) of the Act confers discretion on the 1st Respondent as to whether or not to refer any particular representation. Whether a reference is made must, therefore, depend on the facts and circumstances of each particular case.** The court will only interfere when there is evidence to show that the discretion was exercised unlawfully."
- [15] **"We hold that, the very fact that the Minister did not refer per se any particular trade dispute, does not necessarily mean that the Minister has abused his discretion. It is for him to be satisfied that it is a fit and proper case to refer to the Industrial Court. An exercise of discretion does not always mean that it should be exercised only in a positive manner. A negative act, as in the present case, is equally an exercise of discretion,** provided the Minister had considered every aspect of the case. On the facts and circumstances of the present case, we are satisfied that the Minister had exercised his discretion in a manner which was in accord with the scheme and intention of the Act, and as such the court should not interfere."

(penekanan diberikan)

30. Berdasarkan kes di atas, dan mengaplikasikan fakta kes ini dengan prinsip undang-undang yang dinyatakan, saya dapati Responden Pertama telah membuat keputusan sepertimana yang diperuntukkan kepadanya di bawah seksyen 20(3) Akta 177. Oleh itu, apabila Responden Pertama memutuskan untuk tidak merujuk representasi Pemohon ke Mahkamah Perusahaan ianya tidak memadai untuk membuat kesimpulan bahawa Responden Pertama telah gagal memahami skop kuasa budi bicaranya di bawah seksyen 20 Akta 177.

Sama ada Responden Pertama telah tersalah arah dirinya di sisi undang-undang di mana beliau telah mengambil kira perkara-perkara yang tidak relevan dan/atau gagal mengambil kira perkara-perkara yang relevan

31. Saya telah meneliti Afidavit Jawapan Responden Pertama bertarikh 31.12.2020 (**Lampiran 22**) dan dari penelitian saya terhadap Afidavit tersebut, saya dapati beliau telah mengambil kira fakta-fakta dan dokumen-dokumen relevan yang dibentangkan oleh kedua-dua pihak.



32. Ini jelas dapat dilihat di perenggan 12 Afidavit Jawapan Responden Pertama, apabila beliau menyatakan seperti berikut:-

“12. Saya sesungguhnya mengambil maklum kesemua fakta relevan yang diketengahkan oleh Pemohon iaitu seperti berikut:-

a. Pemohon memaklumkan bahawa beliau telah mula melanggan akaun Grab dengan Responden Ketiga dan menjadi Grab-Driver Partner pada 12.04.2016 sehingga akaunnya dibatalkan pada 05.11.2019;

(Sesalinan emel Grab Car Driver Registration Form bertarikh 12.04.2016 dilampirkan sebagai Ekshibit “MS-4”)

b. Pemohon mendakwa tidak berpuas hati dengan tindakan Responden Ketiga yang membatalkan akaunnya atas alasan membocorkan maklumat pelanggan;

c. Pemohon menafikan telah membocorkan maklumat pelanggan sebaliknya menjelaskan bahawa ianya berlaku apabila beliau menolak pelanggan yang ingin menaiki kenderaannya yang telah penuh sedangkan mengikut tempahan, hanya tiga orang dan tiga beg besar sahaja dibenarkan;

d. Oleh kerana Pemohon tidak tahu bagaimana untuk menyelesaikan isu tersebut, Pemohon akhirnya meminta rakan-rakan dalam Whatsapp Group Grab untuk membuat laporan secara emel kepada Responden Ketiga. Bagi tujuan tersebut, Pemohon telah menghantar maklumat pelanggan dan gambar-gambar berkaitan dalam Whatsapp Group Grab tersebut. Tanpa pengetahuan Pemohon, maklumat-maklumat yang dikongsi dalam Whatsapp Group Grab telah tular di media social.”

33. Selanjutnya Responden Pertama telah mengambil maklum perkara-perkara yang dikemukakan oleh Responden Ketiga semasa rundingan damai yang diadakan di antara Pemohon dan Responden Ketiga di JPPWKL di mana tidak wujud hubungan pekerja dan majikan di antara Pemohon dan Responden Ketiga.

34. Responden Pertama di perenggan 13 Afidavit Jawapannya telah berkata seperti berikut:-

“13. Saya sesungguhnya mengambil maklum kesemua fakta relevan yang diketengahkan oleh pihak Responden Ketiga iaitu seperti berikut:-

13.1 Semasa mesyuarat rundingan damai, Responden Ketiga telah mengemukakan bantahan dan menyatakan bahawa Jabatan Perhubungan Perusahaan tidak mempunyai bidang kuasa untuk



megendalikan kes representasi pembuangan kerja Pemohon kerana **tidak wujud hubungan pekerja dan majikan di antara Pemohon dan Responden Ketiga** berdasarkan alasan berikut:-

- i. **Tiada kontrak pekerjaan** ditandatangani di antara Pemohon dan syarikat Responden Ketiga.
 - ii. **Pemohon tidak menerima gaji sebaliknya Responden Ketiga menerima komisyen sebanyak 20% daripada Pemohon** berdasarkan keuntungan membawa pelanggan yang diraih dengan platform yang disediakan oleh syarikat Responden Ketiga.
 - iii. **Responden Ketiga tidak membuat caruman KWSP, PERKESO dan Employment Insurance Scheme (EIS).**
 - iv. **Responden Ketiga tidak menyediakan penyata pendapatan bagi tujuan cukai pendapatan Pemohon.**
 - v. **Responden Ketiga tidak mengawal Pemohon.** Sebaliknya Pemohon bebas menggunakan aplikasi yang disediakan oleh Responden Ketiga mengikut kelapangan dan kesesuaian. Malah Responden Ketiga tidak menghalang Pemohon menggunakan aplikasi lain seperti MyCar, JomRides, Mula dan seumpamanya.
- 13.2 **Responden Ketiga** turut menjelaskan bahawa syarikat mereka **hanya menyediakan platform kepada kontraktor bebas/pemandu (Grab-Driver Partner)** untuk kontrak membawa penumpang/pelanggan menerusi aplikasinya.
- 13.3 Responden Ketiga turut mendakwa bahawa dalam kes ini **tidak berlaku pembuangan kerja sebaliknya syarikat telah membatalkan akaun Pemohon kerana Pemohon telah melanggar perjanjian dengan membocorkan maklumat pelanggan di media social."**

(penekanan diberikan)

35. Responden Pertama juga telah mengambil maklum bahawa Pemohon adalah hanya merupakan seorang Grab-Driver Partner sahaja apabila beliau menyatakan di perenggan 14 dan 15 Afidavit Jawapan Responden Pertama seperti berikut:-

"14. Merujuk kepada perenggan 3 Afidavit Sokongan tersebut, saya hanya mengambil maklum pernyataan setakat Pemohon berkhidmat dengan Responden Ketiga pada sekitar bulan April 2016. Merujuk kepada Grab Car Driver Registration Form (**Sila rujuk Ekshibit "MS-4"**), dimana dokumen berkenaan menunjukkan Pemohon telah mendaftar sebagai Grab Car Driver pada 12.04.2016. Manakala, **berhubung dakwaan**



Pemohon telah dibuang kerja oleh Responden Ketiga secara tidak adil, saya sesungguhnya menegaskan bahawa dalam kes ini tiada pembuangan kerja berlaku sebaliknya apa yang berlaku adalah akaun Pemohon sebagai Grab Car Driver ditamatkan pada 05.11.2019.

15. Selanjutnya, merujuk kepada perenggan 4 Afidavit Sokongan tersebut, saya mengambil maklum setakat **surat Peguam Pemohon bertarikh 11.12.2019** kepada Responden Ketiga. Walau bagaimanapun, saya selanjutnya menyatakan bahawa **tiada mana-mana dalam perenggan surat berkenaan menyebut bahawa Pemohon telah dibuang kerja dan menuntut untuk dipulihkan pekerjaan semula**. Sebaliknya, antara kandungan surat tersebut adalah bahawa Responden Ketiga telah menghalang perkhidmatan Pemohon sebagai Grab Driver dan telah gagal mengaktifkan semula akaun Pemohon sebagai Grab Driver seperti yang dipohon. Saya selanjutnya menegaskan bahawa Pemohon melalui peguamnya hanya memohon agar Responden Ketiga memberi penjelasan secara bertulis berhubung alasan kenapa perkhidmatan perayu dihalang dan kemukakan bukti-bukti berhubung perkara itu; dan membenarkan rayuan Pemohon mengaktifkan semula akaun Pemohon.

(Sesalinan surat daripada peguam Pemohon kepada Responden Ketiga bertarikh 11.12.2019 dilampirkan sebagai Ekshibit "MS-5").

(penekanan diberikan)

36. Berdasarkan kepada fakta di atas, Responden Pertama telah menyatakan tidak wujud hubungan pekerja dan majikan di antara Pemohon dan Responden Ketiga berdasarkan alasan yang dinyatakan di perenggan 23 di dalam Afidavit Jawapan Responden Pertama apabila beliau berkata:-

"23. Saya sesungguhnya menegaskan bahawa saya telah mempertimbangkan dengan teliti fakta-fakta yang relevan berkaitan dengan representasi Pemohon dan mendapati tiada persoalan fakta dan undang-undang yang boleh mewajarkan kes Pemohon dirujuk ke Mahkamah Perusahaan. Saya sesungguhnya menegaskan bahawa:-

- i. Tidak wujud hubungan pekerja dan majikan di antara Pemohon dan Responden Ketiga kerana berdasarkan dokumen Grab Car Driver Registration Form bertarikh 12.04.2016 iaitu Ekshibit "MS-4", adalah didapati bahawa Pemohon hanya mendaftarkan sebagai Car Driver untuk menggunakan platform yang disediakan oleh Responden Ketiga. Selain itu, berdasarkan section C: Vehicle / Fleet Details di Ekshibit "MS-4", didapati bahawa Pemohon sendiri yang telah menyediakan kenderaan bagi tujuan membawa penumpang dengan menggunakan platform yang disediakan oleh Responden Ketiga.



- ii. Tiada bayaran gaji dibuat oleh Responden Ketiga kepada Pemohon, sebaliknya Responden Ketiga telah menerima sebanyak 20% komisyen daripada Pemohon hasil daripada jumlah tambang / pendapatan yang diperolehi oleh Pemohon menerusi platform yang disediakan oleh Responden Ketiga. Penyataan ini dapat disokong dengan merujuk kepada section D di Ekshibit "MS-4" yang menyatakan seperti berikut:-

"I agree to pay the commission from fares received via pre-payment at a rate to be decided by Grab from time to time"

Malah, Responden Pertama juga telah merujuk kepada Grab Weekly Partner Statement bertarikh 17.10.2019, 24.10.2019, 31.10.2019 dan 07.11.2019 yang dikemukakan oleh Pemohon dan didapati bahawa terdapat penolakan komisyen daripada jumlah tambang yang diperolehi oleh Pemohon di mana komisyen ini dibayar kepada Responden Ketiga. Responden Pertama juga selanjutnya menegaskan bahawa tiada sebarang caruman KWSP, SOCSO dan Employment Insurance Scheme (EIS) dibayar kepada Pemohon dan perkara ini tidak pernah dipertikaikan dan dinafikan oleh Pemohon.

(Sesalinan Grab Weekly Partner Statement bertarikh 17.10.2019, 24.10.2019, 31.10.2019 dan 07.11.2019 dilampirkan sebagai "MS-7")

- iii. Berdasarkan kepada keterangan mesyuarat rundingan damai, Responden Ketiga memaklumkan bahawa tidak wujud unsur kawalan antara Responden Ketiga dan Pemohon di mana Pemohon bebas untuk menggunakan aplikasi / platform Responden Ketiga mengikut kesesuaian Pemohon sendiri malah Pemohon juga bebas menggunakan aplikasi lain seperti MyCar, JomRides, Mula dan seumpamanya dan penyataan ini tidak pernah disangkal sama sekali oleh Pemohon.

37. Berdasarkan kepada fakta di atas, saya mendapati Responden Pertama telah membuat dapatan yang betul apabila beliau menyatakan tidak wujud hubungan majikan dan pekerja di antara Pemohon dan Responden Ketiga.

38. Oleh itu, jelas menunjukkan Responden Pertama telah mengambil kira semua fakta yang relevan dan tidak mengambil kira fakta-fakta yang tidak relevan dan telah memberi pertimbangan yang sewajarnya dan bertindak dalam bidang kuasa yang telah diperuntukkan oleh Akta 177 ketika membuat keputusan untuk tidak merujuk representasi Pemohon ke Mahkamah Perusahaan



sebagaimana dinyatakan pada Perenggan 12 dan 13 Afidavit Jawapan Responden Pertama.

39. Selanjutnya, Responden Pertama telah meneliti dan mempertimbangkan fakta-fakta serta dokumen-dokumen pihak-pihak dengan adil tanpa berat sebelah. Perkara ini telah dinyatakan oleh Responden Pertama pada perenggan 27 dan 32 Afidavit Jawapan Responden Pertama.

Sama ada Responden Pertama telah tersalah mengarahkan dirinya di sisi undang-undang apabila terdapat persoalan fakta dan undang-undang yang serius yang mewajarkan ianya untuk dirujuk ke Mahkamah Perusahaan

40. Setelah meneliti keterangan Responden Pertama di dalam Afidavit Jawapannya, saya dapati Responden Pertama telah meneliti, menimbang dan mengambil kira fakta-fakta relevan, keterangan dan juga dokumen-dokumen pihak-pihak sebelum membuat keputusan untuk tidak merujuk representasi Pemohon ke Mahkamah Perusahaan.
41. Persoalan yang timbul dalam kes ini adalah sama ada keputusan Responden Pertama untuk tidak merujuk representasi mengenai pembuangan kerja Pemohon ke Mahkamah Perusahaan adalah wajar.
42. Setelah mengambil kira fakta-fakta dan dokumen-dokumen di hadapan Responden Pertama, beliau telah mendapati tidak terdapat persoalan fakta dan undang-undang yang timbul yang boleh mewajarkan kes Pemohon dirujuk ke Mahkamah Perusahaan. [Sila rujuk **Hong Leong Equipment Sdn Bhd v. Liew Fook Chuan and another appeal** (supra)]

(Sila rujuk perenggan 23 Afidavit Responden Pertama)

43. Saya dapati Responden Pertama telah mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan kuasa budi bicaranya di bawah seksyen 20 Akta 177.



Sama ada Responden Pertama gagal mengambil kira dan/atau menimbangkan bahawa trend baru di Mahkamah di negara-negara lain termasuk United Kingdom dan Eropah yang telah mengiktiraf dan mempertahankan status pemandu e-hailing sebagai pekerja bagi syarikat e-hailing

44. Untuk isu ini, saya berpandangan adalah menjadi prinsip mantap bahawa nas-nas yang diputuskan di negara Komanwel adalah tidak mengikat Mahkamah di Malaysia.
45. Di dalam kes **Jamil Harun v. Yang Kamsiah Meor Rasdi & Anor [1984] 1 CLJ Rep 11; [1984] 1 MLRA 27; [1984] 1 MLJ 217**, Privy Council telah berkata:-

“Their Lordships do not doubt that it is for the Courts of Malaysia to decide, subject always to the statute law of the Federation, whether to follow English case law. Modern English authorities may be persuasive, but are not binding. In determining whether to accept their guidance the Courts, will have regard to the circumstances of the State of Malaysia and will be careful to apply them only to the extent that the written law permits and no further than in their view it is just to do so.”

(penekanan diberikan)

46. Berdasarkan kes di atas, Mahkamah ini adalah tidak terikat kepada kes-kes di United Kingdom di mana ianya hanyalah bersifat persuasive sahaja. Kes-kes tersebut hanya boleh dijadikan sebagai bahan rujukan kepada Mahkamah ini. Saya mendapati tiada peruntukan undang-undang di Malaysia mengiktiraf pemandu e-hailing seperti Pemohon sebagai seorang ‘workman’ dan oleh itu, ianya tidak mewujudkan hubungan pekerja-majikan di antara Pemohon dan Responden Ketiga.
47. Oleh itu, adalah tidak menghairankan apabila Responden Pertama di dalam menimbangkan isu ini telah membuat keputusan berdasarkan kepada undang-undang yang berkuat kuasa di negara ini.
48. Ini jelas dapat dilihat di perenggan 28 dan 29 Afidavit Responden Pertama apabila beliau menyatakan seperti berikut:-



- “28. Merujuk kepada perenggan 13(iv), saya menyangkal keseluruhan dakwaan Pemohon. Saya sesungguhnya menyatakan bahawa **keputusan saya tersebut tidak bertujuan untuk membiarkan Pemohon dan pemandu e-hailing di Malaysia terus ditindas dan dibuang kerja secara tidak adil oleh Responden Ketiga, sebaliknya keputusan saya tersebut dibuat setelah mengambil kira fakta-fakta yang diketengahkan oleh kedua-dua pihak dan selanjutnya keputusan berkenaan adalah tertakluk dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177).**
29. Merujuk kepada perenggan 13(v) Afidavit Sokongan tersebut, saya sesungguhnya menafikan dakwaan dalam perenggan tersebut. Saya sesungguhnya menyatakan bahawa **dalam membuat keputusan, saya telah bersandarkan kepada undang-undang yang berkuatkuasa di negara Malaysia. Sehubungan itu, dakwaan Pemohon bahawa saya telah gagal mempertimbangkan trend baru mengenai status pemandu e-hailing di negara-negara lain adalah tidak relevan.”**

(penekanan diberikan)

49. Oleh itu, jelas menunjukkan dakwaan Pemohon terhadap Responden Pertama dalam isu ini adalah tersasar dan tidak bermerit.

Sama ada Responden Pertama telah mencapai suatu kesimpulan yang mempunyai justifikasi di mana tiada tribunal yang munasabah dalam keadaan yang sama dapat mencapainya

50. Di dalam mencapai keputusan tersebut, saya dapati Responden Pertama telah bertindak di dalam bidang kuasanya untuk mempertimbangkan kesemua fakta dan dokumen dalam membuat keputusan untuk tidak merujuk representasi Pemohon ke Mahkamah Perusahaan.
51. Oleh itu, saya dapati Responden Pertama telah mengambil kira semua perkara yang relevan, memberi pertimbangan yang sewajarnya dan bertindak dalam bidang kuasa dan selaras dengan semangat dan objektif seperti yang telah diperuntukkan oleh Akta 177 ketika membuat keputusan untuk tidak merujuk representasi mengenai pembuangan kerja Pemohon ke Mahkamah Perusahaan.



52. Berdasarkan fakta-fakta di atas, saya berpendapat Menteri yang munasabah dalam keadaan yang serupa dengan Responden Pertama akan membuat keputusan yang sama untuk tidak merujuk representasi mengenai pembuangan kerja Pemohon ke Mahkamah Perusahaan.

Kesimpulan

53. Berdasarkan apa yang dinyatakan di atas, saya mendapati Responden Pertama telah mengambil kira dan membuat pertimbangan sewajarnya fakta relevan, keterangan dan dokumen dikemukakan oleh pihak-pihak dan selanjutnya memutuskan untuk tidak merujuk representasi pembuangan kerja Pemohon ke Mahkamah Perusahaan.
54. Oleh yang demikian, saya mendapati permohonan Pemohon (Lampiran 13) adalah tidak bermerit dan dengan itu ditolak. Pemohon dikehendaki membayar kos kepada Responden Pertama dan Kedua sebanyak RM 3,000.00 (Global Kos) tanpa fi alokatur dan membayar kos sebanyak RM 3,000.00 kepada Responden Ketiga tertakluk kepada fi alokatur.

Bertarikh: 06 Oktober 2022



Ahmad Kamal bin Md. Shahid
Hakim
Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur



Kaunsel

Bagi pihak Pemohon:

Encik Ng Kian Nam
(Cik Ang Qing Pei & En. Tung Kai Mun
bersamanya)
Tetuan Ng Kian Nam & Partners,
Peguambela dan Peguamcara,
195-1, Jalan Haruan 5/6,
Pusat Komersial Oakland 2,
70300 Seremban,
Negeri Sembilan.
(Ruj. Tuan: 1163 (68.3)/21/LA/NKN)

Bagi pihak Responden
Pertama dan Kedua:

Cik Adiba Iman binti Md Hassan,
Peguam Persekutuan
Jabatan Peguam Negara,
Cawangan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur,
Tingkat 5 & 7, Wisma Chase Perdana,
Off Jalan Semantan,
Damansara Heights,
50512 Kuala Lumpur.

Bagi pihak Responden Ketiga:

Dato' T. Thavalingam
(Cik Rebecca Sonali Alfred
bersamanya)
Tetuan T. Thavalingam & Co.
Peguambela dan Peguamcara,
Suite K-3-11, Aras 3, Blok K,
No. 2, Jalan Solaris Mont Kiara,
50480 Kuala Lumpur.

